

# MAHATHIR MULA GUNAKAN KAD PENENTU WAKTU

1961

**KUALA LUMPUR, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad** pagi ini menepati janjinya untuk bersama-sama anggota kabinet serta pegawai-pegawai kerajaan dalam menggunakan kad penentu waktu kedatangan dan kepulangannya ke pejabat.

Jurucakap Jabatan Perdana Menteri memberitahu, Datuk Seri Dr.

Mahathir tiba di pejabat kira-kira 7.50 pagi dan merakamkan kad kedatangannya sendiri pada jam yang disediakan.

Bagaimanapun pihak akhbar tidak dibenar merakamkan peristiwa tersebut.

"Sebenarnya Perdana Menteri tidak mahu menghebohkan perkara ini tetapi disebabkan akhbar sudah mengetahui terpaksa di-sahkan perkara tersebut," katanya.

Tindakan Perdana

Menteri itu adalah memberi contoh kepada Menteri-menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen serta pegawai-pegawai kanan kerajaan yang lain supaya mencatatkan kedatangan mereka.

Dengan demikian tidak wujud tohmah mengatakan seolah-olah pentadbiran sekarang tidak percaya dengan pegawai kanan kerajaan atau sebagainya.

Berita Harian difahamkan Datuk Seri Dr. Mahathir akan

meninjau sendiri-sama ada sistem yang dijanjikan itu berkesan dan berjalan lancar.

Jika sistem tersebut tidak berkesan, penyiataan akan dibuat sama ada ia disabotaj atau sebagainya.

## Diperluas

Bagaimanapun difahamkan pihak MAMPU nampaknya yakin sistem tersebut akan berjalan lancar dan teratur.

Mereka kini sedang merancang sistem

tersebut diperluaskan agar cita-cita untuk melahirkan pentadbiran licin, bersih dan cekap menjadi kenyataan.

Difahamkan juga, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam telah merakamkan sen-

diri kad penentu waktu kedatangannya ke pejabat.

Setakat ini tiga kementerian melaksanakan sistem tersebut iaitu Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Perusahaan

Awam dan Kementerian Kesihatan (di Hospital Besar).

Manakala Jabatan Perdana Menteri telah pun melaksanakan sepenuhnya sistem tersebut.

Sistem tersebut akan dilakukan sebagai percubaan selama dua bulan sebelum diperluaskan.

Ini bagi memudahkan MAMPU mengkaji masalah yang timbul di samping mencari cara-cara mengatasi masalah tersebut.